

Pahang, Kelantan, Perak, Johor semakin pulih

KUALA LUMPUR - Keadaan banjir di Perak, Kelantan, Pahang dan Johor pada tengah hari semalam, bertambah baik dengan jumlah mangsa yang dipindahkan menurun kepada 40,852 orang berbanding 41,421 orang pada sebelah pagi.

Di PERAK, jumlah mangsa berkurangan sedikit kepada 5,673 orang daripada 1,583 keluarga berbanding 5,728 orang daripada 1,603 keluarga.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) Perak berkata, sebuah pusat pemindahan telah ditutup, menjadikan 37 pusat yang masih dibuka di lima daerah.

Perak Tengah masih mencatat jumlah mangsa tertinggi dengan 4,521 orang, diikuti Hulu Perak (606), Hilir Perak (300), Manjung (150) dan Kuala Kangsar (96).

Keadaan sama dilaporkan **di KELANTAN** apabila jumlah mangsa turun kepada 5,612 orang berbanding 6,126 orang pagi semalam. Mereka ditempatkan di 41 pusat pemindahan di empat jajahan.

Jurucakap Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri berkata, jumlah mangsa yang direkodkan ialah Kuala Krai dengan 2,522 orang, Gua Musang (2,076), Tanah Merah (810) dan Machang (204).



FOTO: BERNAMA

Pemandangan dari udara menunjukkan keadaan sebahagian kawasan di Pahang yang masih teruk dilanda banjir akibat limpahan Sungai Pahang, semalam.

Di PAHANG, jumlah mangsa yang ditempatkan di 126 pusat pemindahan di tujuh daerah, masih kekal 29,547 orang sama seperti di sebelah pagi.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata, Pekan menempatkan mangsa paling ra-

mai iaitu 11,153 orang diikuti Temerloh (10,576), Maran (2,771), Bera (2,352), Jerantut (1,534), Kuantan (1,130) dan Lipis (31).

Di JOHOR, jumlah mangsa kekal 20 orang di Balai Raya Kampung Batu Badak, Segamat. - Bernama